

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA (Forum)

TARIKH : 28 DISEMBER 2017

M/S : 10

Pertahan kawasan bukit, hutan

SAUDARA PENGARANG,

BENCANA alam seperti letusan gunung berapi, gempa bumi, banjir dan tanah runtuh adalah perkara yang tidak diingini oleh sesiapa sahaja. Justeru sebagai rakyat negara ini kita wajib bersyukur kepada Allah SWT kerana kedudukan Malaysia yang berada di luar lingkaran api pasifik dan gempa bumi.

Bagaimanapun kita tidak boleh lari daripada bencana alam lain seperti banjir dan tanah runtuh. Yang pasti, apabila berlakunya musibah ini terdapat segelintir masyarakat mula menuding jari antara satu sama lain. Seharusnya semua pihak berganding bahu mengkaji punca serta mencari jalan penyelesaian dan bukannya bertindak sedemikian.

Bagi saya apa jua bencana yang berlaku, faktor utamanya adalah daripada sikap manusia. Sebagai contoh, tragedi tanah runtuh yang berlaku di utara tanah air dua bulan lepas. Berdasarkan siasatan tragedi itu berpunca tindakan pemaju yang membina projek perumahan di lereng bukit.

Tidak dapat dinafikan dalam arus pemodenan pada hari ini manusia memerlukan pembangunan yang drastik. Namun sebagai makhluk yang dilahirkan dengan akal fikiran kita sepatutnya meneliti setiap kesan sama ada baik mahupun buruk sebelum meneruskan satu-satu projek.

Apabila bukit yang menjadi pasak bumi diratakan sudah tentu akan berlaku kegoyahan pada struktur bumi. Jadi tidak mustahil kawasan yang diratakan mudah mengalami gelongsoran dan menyebabkan kemusnahan.

Begitu juga dengan aktiviti penebangan pokok secara berleluasa pada satu-satu kawasan hutan. Jika pokok yang menjadi agen penutup bumi sudah tiada, maka tanah lebih terdedah kepada agen hakisan sekali gus menyebabkan struktur tanah menjadi longgar. Sudah tentu keadaan ini akan memudahkan lagi berlakunya tanah runtuh.

Tidak salah untuk kita menjalankan aktiviti ekonomi namun setiap perancangan hendaklah dilakukan dengan bijak. Jangan disebabkan terlalu mengejar wang kita mengabaikan aspek-aspek lain yang akhirnya boleh membawa kemudaratan.

Oleh yang demikian, semua pihak seharusnya berganding bahu mencari jalan penyelesaian bagi mengelakkan lebih banyak kawasan yang mengalami kejadian tanah runtuh. Antara langkah yang perlu diambil ialah penguatkuasaan undang-undang yang melibatkan projek pembangunan di kawasan berbukit.

Seharusnya projek-projek pembangunan tidak dilaksanakan di kawasan bukit. Pemaju-pemaju seharusnya menjalinkan kerjasama dengan pihak kerajaan dalam menangani masalah yang meruncing ini. Berikan hak bukit untuk teguh berdiri.

Selain itu, kempen kesedaran menyayangi bumi perlu diperluaskan dan diperhebatkan kepada setiap lapisan golongan masyarakat demi kelestarian hidup akan datang.

NORHIDANI BUYONG
Universiti Kebangsaan Malaysia